



## SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 9 TAHUN 1982

Tuan,

### PEMAKAIAN PERATURAN-PERATURAN LEMBAGA KENAIKAN PANGKAT PERKHIDMATAN AWAM 1972 (P.U. (A) 47/72) BAGI PEGAWAI-PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM AM PERSEKUTUAN DI SABAH DAN SARAWAK

Adalah dimaklumkan berikutan dengan keputusan Kerajaan memansuhkan jawatan-jawatan Setiausaha Persekutuan Sabah dan Setiausaha Persekutuan Sarawak, Jadual Keanggotaan Panel Kenaikan Pangkat di muka surat 4 [Surat Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1981](#) adalah dengan ini dipinda seperti berikut :

#### JADUAL

#### KEANGGOTAAN PANEL KENAIKAN PANGKAT

1. Bagi Negeri Sabah.

- (a) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "A" (tidak termasuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Khas (A12), ke Tingkatan Kanan (A11), dan ke atas) dan Kumpulan "B".

Pegawai Perjawatan (Persekutuan), Sabah	... ..	Pengerusi
Ketua Penolong Pegawai Kewangan Persekutuan	...	Ahli
Ketua Jabatan Tempatan berkenaan atau wakilnya (Kumpulan "A") ...		Ahli

- (b) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "C".

Ketua Penolong Pegawai Perjawatan (Persekutuan)	...	Pengerusi
Penolong Pegawai Kewangan Persekutuan	... ..	Ahli
Ketua Jabatan Tempatan berkenaan atau wakilnya (Kumpulan "A") ..		Ahli

2. Bagi Negeri Sarawak.

- (a) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "A" (tidak termasuk kenaikan pangkat ke Tingkatan Khas (A12), ke Tingkatan Kanan (All), dan ke atas) dan Kumpulan "B".

Pegawai Perjawatan (Persekutuan), ... .. Pengerusi  
Sarawak

Ketua Penolong Pegawai Kewangan ... Ahli  
Persekutuan

Ketua Jabatan Tempatan berkenaan atau wakilnya  
(Kumpulan "A") Ahli

- (b) Bagi Pegawai Persekutuan dalam Kumpulan "C".

Ketua Penolong Pegawai Perjawatan ... Pengerusi  
(Persekutuan)

Penolong Pegawai Kewangan ... .. Ahli  
Persekutuan

Ketua Jabatan Tempatan berkenaan atau wakilnya  
(Kumpulan "A") .. Ahli

Pindaan-pindaan ini berkuatkuasa mulai 1hb Mac, 1982 bagi Negeri Sabah dan mulai 1hb Jun, 1982 bagi Negeri Sarawak.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

(SULAIMAN BIN HASHIM)  
*Pengarah Bahagian Perkhidmatan,  
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia.*

*10hb April 1982*

Ketua-Ketua Setiausaha Kementerian.

Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Persekutuan.

Salinan:

Y.B. Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri.

Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.